

LATIHAN 3 (Surah Al-An'am, Ayat 162-163)

syarat

merosakkan

tonggak

menyerahkan

dilaksanakan

Allah SWT

kebaikan

syariat

larangan

kesejahteraan

1.	Solat ialah _____ kepada segala amalan seseorang Muslim. Jika solat itu sempurna, maka sempurna adalah ibadat-ibadat yang lain.
2.	Setiap Muslim hendaklah menyerahkan segala urusan kehidupan di dunia dan akhirat kepada _____.
3.	Segala ibadat yang dilakukan perlu mengikut _____ yang ditetapkan supaya diterima Allah SWT.
4.	Kehidupan di dunia perlu dipenuhi dengan melaksanakan perintah Allah SWT supaya memperoleh _____ hidup di dunia dan di akhirat.
5.	Keikhlasan dalam beribadat merupakan _____ utama sesuatu ibadat diterima oleh Allah SWT.
6.	Umat Islam hendaklah _____ segala urusan kepada Allah SWT kerana Dia adalah Tuhan sekalian alam.
7.	Umat Islam hendaklah menjauhi perbuatan syirik kerana perbuatan tersebut boleh _____ iman kepada Allah SWT.
8.	Ibadat solat wajib _____ oleh setiap Muslim walau dalam apa keadaan sekalipun. Ibadat ini menunjukkan pengabdian seseorang kepada Tuhannya.